

PM alu2 pendirian Amerika tidak tentang EAEG

UM 25 MAY 1991

KUALA LUMPUR 25 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad, menyambut baik penafian Amerika Syarikat bahawa negara itu menolak penubuhan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG).

Beliau berkata penubuhan EAEG adalah hak negara di rantau ini dan pihak-pihak lain tidak berhak untuk campurtangan dalam menolak penubuhan kerjasama itu.

"Kalau Amerika Syarikat menafikan mereka menolak EAEG, baguslah," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita ketika diminta mengulas kenyataan yang dikeluarkan oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat bahawa me-

reka tidak menentang penubuhan EAEG.

Bagaimanapun, Amerika menyatakan rasa bimbang bahawa perkumpulan yang tidak memasukkan semua ahli Persidangan Ekonomi Asia Pasifik (APEC) akan hanya menekan persidangan itu.

Kenyataan itu dikeluarkan ekoran kenyataan Naib Presiden Amerika Syarikat, Dan Quayle baru-baru ini bahawa Amerika percaya bahawa mana-mana kumpulan ekonomi tanpa penyertaan Amerika tidak akan cergas.

Perdana Menteri berkata, Majlis Tertinggi UMNO menyokong penuh usaha-usaha untuk menentukan kejayaan EAEG dan wawasan 2020.

Katanya, mesyuarat hari ini juga telah membincangkan peranan UMNO dalam memastikan wawasan 2020 dicapai sepenuhnya.

"Kita telah membincangkan peranan parti dalam menentukan wawasan 2020 dicapai dan kita juga telah menjelaskan konsep EAEG dan sekarang MT memberi sokongan penuh kepada kedua-dua konsep itu," ujarnya.

Menyentuh tentang Laporan Pembangunan Manusia (HDR) yang dikeluarkan oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) yang menyebut tahap kebebasan kemanusiaan negara ini lebih rendah daripada Israel, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, mungkin ada pihak tertentu yang menggunakan badan itu untuk sengaja memburukkan Malaysia.

"Laporan itu merupakan tuduhan

LIHAT MUKA 17

SAMBUNGAN DARI MUKA 1

PM ALU2 PENDIRIAN AMERIKA TIDAK TENTANG EAEG

yang fantastik kerana kita tahu Israel membunuh orang-orang Arab dan menghalau mereka keluar dari rumah mereka tetapi perkara itu tidak berlaku di negara ini.

"Tapi kalau mereka kata Israel lebih baik, biarlah mereka pergi ke

Israel," tegasnya memertikaikan laporan itu.

Sambil memberikan contoh sebuah negara di Eropah, membenarkan kanak-kanak yang berumur 12 tahun melakukan hubungan jenis kerana itu merupakan hak kebebasan mereka, Dato'

Sri Dr. Mahathir memersoalkan, adakah dengan tidak memberikan kebebasan seumpama itu Malaysia tidak mempunyai hak kebebasan asasi seperti yang didakwa oleh UNDP.

Menyentuh tentang sekatan yang dikenakan ke

atas negara-negara Asia oleh kuasa-kuasa besar, beliau memersoalkan kenapa sekatan tidak dikenakan ke atas negara-negara Eropah sebaliknya ditumpukan kepada negara-negara Asia sahaja.

"Saya kecewa kerana

tumpuan diberi hanya kepada negara-negara Asia, iaitu negara yang penduduknya bukan berkulit putih sedangkan tidak di negara-negara Eropah," katanya.

"Saya berpendapat ada sedikit sentimen perkauman dalam perkara ini," tambah beliau.